

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

AFP461 - KEWANGAN KORPORAT II

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Soalan 1 adalah **WAJIB**.

Soalan 1 - WAJIB

Fayakun Consultant yang ditubuh pada 1993 adalah untuk menyediakan perkhidmatan rundingan sistem komunikasi elektronik.

Berikut ialah data bagi syarikat itu.

Tahun berakhir pada 31 Disember

| | 1990 RM'000 | 1991 RM'000 | 1992 RM'000 |
|---------------------|----------------|----------------|----------------|
| Akaun Untung & Rugi | | | |
| Jualan | 3,700 | 2,600 | 1,600 |
| Untung/rugi operasi | 493 | (32) | 65 |
| Faedah (receivable) | 103 | 130 | 18 |

(Nota: Dividen tidak diistihar, dan tanggungan cukai koperat tidak diambil kira).

Penyata Kunci Kira-Kira

| | | | | | |
|--------------------|-------|-------|------|-------|------|
| Aset tetap: | | | | | |
| Tanah & bangunan | | 558 | | 283 | - |
| Kos mesin dan loji | 263 | | 82 | | 48 |
| Susutnilai | 48 | 215 | 26 | 56 | 10 |
| | ----- | ----- | ---- | ----- | ---- |
| | | 773 | | 339 | 38 |

...2/-

| | | | | | |
|-------------------------------|-------|-------|-------|--|-------|
| Aset semasa: | | | | | |
| Kos progres kerja | 1,457 | 783 | 46 | | |
| Tolak bayaran progress | 976 | - | - | | |
| | ----- | ----- | ----- | | |
| | 481 | | 783 | | 46 |
| Si berhutang (Debtor): | | | | | |
| Pendahuluan pembekal | 274 | 331 | - | | |
| Lain-lain | 99 | 65 | 1 | | |
| | ----- | ----- | ----- | | |
| | 373 | | 395 | | 1 |
| Tunai | 1,007 | | 1,090 | | 294 |
| | ----- | ----- | ----- | | ----- |
| | 1,861 | | 2,269 | | 341 |
| Tanggungan semasa: | | | | | |
| Pendahuluan pelanggan | 705 | 1,500 | - | | |
| Lain-lain | 776 | 855 | 257 | | |
| | ----- | ----- | ----- | | |
| | 1,481 | | 2,355 | | 257 |
| Aset bersih semasa | | | | | |
| | 380 | | (86) | | 84 |
| Jumlah aset ditolak | | | | | |
| tanggungan semasa | 1,153 | | 253 | | 122 |
| Tolak tanggungan lebih | | | | | |
| setahun | 140 | | 111 | | 78 |
| | ----- | ----- | ----- | | ----- |
| | 1,013 | | 142 | | 44 |
| | ===== | | ===== | | ===== |
| Modal dan rezab: | | | | | |
| Modal berbayar | 20 | | 20 | | 20 |
| Rezab (revaluation) | 275 | | - | | - |
| Akaun untung rugi | 718 | | 122 | | 24 |
| | ----- | ----- | ----- | | ----- |
| | 1,013 | | 142 | | 44 |
| | ===== | | ===== | | ===== |

Anda diminta (i) beri komen tentang bagaimanakah perniagaan di atas dibiayai, dan (ii) cuba kenalpasti kelemahan pengurusan kewangan, dan beri cadangan untuk memperbaikinya.

[31 markah]

...3/-

Soalan 2

Megawan Bhd bercadang hendak melabur modal di dalam satu projek baru supaya portfolio projek yang dikendali sekarang dapat menambahkan hasil. Untuk menentukan risiko bagi pulangan pelaburan baru dan portfolio sekarang, syarikat tersebut membuat ramalan 6 kemungkinan kedudukan ekonomi seperti di bawah.

| Kedudukan Ekonomi | Keberangkalian | Pulangan portfolio sekarang (%) | Pulangan projek baru (%) |
|-------------------|----------------|---------------------------------|--------------------------|
| 1 | 0.1 | 12 | 14 |
| 2 | 0.2 | 14 | 10 |
| 3 | 0.2 | 15 | 12 |
| 4 | 0.3 | 16 | 10 |
| 5 | 0.1 | 18 | 8 |
| 6 | 0.1 | 20 | 6 |

Anda di kehendaki:

- (a) Guna CAPM (Capital Asset Pricing Model) sebagai teknik analisis dan beri nasihat kepada syarikat tersebut sama ada pelaburan baru itu boleh diterima atau tidak. Kadar pulangan harta tanpa risiko ialah 20%.
- (b) Bincang signifikan teori "Capital Asset Pricing Model" dan teori "Markowitz's mean-variance portfolio" kepada pembuat keputusan kewangan.

[23 markah]

Soalan 3

Cuba anda hurai 3 daripada 5 petikan di bawah:

- (a) "Investments in projects protected from competition by government regulation can lead to extraordinary profitability. However, what the government gives, the government can take away" (Alan Shapiro)
- (b) "Evidence suggests that takeovers do not benefit the acquirer's shareholders" (Michael Jensen)
- (c) "Proposition I states that no combination is better than any other, that the firm's overall market value is independent of capital structure" (Modigliani and Miller)

...4/-

- (d) "DCF models of company value state that higher dividends increase stock values. This is inconsistent with the option pricing model, which states that higher dividends reduce option value" (Graham Peirson & Ron Bird)
- (e) "In principle, the evaluation of foreign direct investment (FDI) is similar to the evaluation of 'domestic' investment. However, FDI may be complicated by factors such as concessionary access to local finance, difficulties in repatriating profits and differential inflation rates" (Richard Pike and Bill Neale)

[23 markah]

Soalan 4

Syarikat Kota hendak mengambil alih Syarikat Desa melalui pertukaran saham (share swap). Maklumat yang berkaitan dengan dua syarikat tersebut adalah seperti di bawah:

| | Kota | Desa |
|--------------------------|-------------|-------------|
| Modal saham biasa | | |
| RM1.00 dibayar sepenuh | RM2,000,000 | RM1,500,000 |
| Rizab | 520,000 | 140,000 |
| Pinjaman | 500,000 | 100,000 |
| | ----- | ----- |
| | 3,020,000 | 1,740,000 |
| | | |
| Harta tetap | 1,810,000 | 1,230,000 |
| Harta semasa bersih | 1,210,000 | 510,000 |
| | ----- | ----- |
| | 3,020,000 | 1,740,000 |
| | | |
| Untung tahunan | RM500,000 | RM200,000 |
| Nilai semasa saham biasa | RM3.00 | RM1.20 |

...5/-

Adalah dijangka bahawa melalui kombinasi perniagaan ini keuntungan akan bertambah sebanyak 10% lebih tinggi daripada jumlah untung kedua-dua syarikat pada masa ini, dan harga saham akan dinilai pada tahap nisbah harga sebanyak 15.

- (a) Cuba anda beri satu cadangan tawaran pertukaran saham yang sesuai. Apakah faktor yang perlu diambil kira semasa membuat perbincangan (negotiation) program pengambilan alih tersebut?
- (b) Bincang kesan "synergy" terhadap rancangan percantuman perniagaan (merger).

[23 markah]

Soalan 5

Berikut ialah maklumat semasa Lembaran Imbangan Syarikat Temadun Bhd.

| | RM'000 |
|--|--------|
| Modal Saham Biasa: | |
| Modal yang dibenar 10,000,000 unit @RM1 | 10,000 |
| | ===== |
| Modal yang dikeluarkan 8,000,000 unit @RM1 | 8,000 |
| Premium | 2,000 |
| resab | 6,000 |
| | ===== |
| Dana Pemegang Saham | 16,000 |
| 12% Debentur Tidak Boleh Tebus (Irredeemable Debenture) | 4,000 |

Dividen tahunan sebanyak 20 sen sesaham telah dibayar. Mengikut rekod yang lepas dividen saham biasa berkembang pada kadar 10% setahun, dan kadar pertumbuhan ini dijangka akan berterusan. Faedah pinjaman ke atas debentur juga telah diselsai baru-baru ini. Harga pasaran saham biasa dan debentur berada pada paras RM2.75 dan RM80.

- (a) Cuba anda kira kos purata wajaran syarikat tersebut.

...6/-

- (b) Bincang kebaikan dan keburukan untuk menggunakan kos purata wajaran sebagai kadar diskaun bagi menilai project pelaburan baru.

[23 markah]

Soalan 6

Seorang pelabur membeli opsiyen panggilan (call option) untuk saham syarikat Majujaya sebanyak 100 unit pada enam bulan yang lepas dengan harga RM0.10 seunit. Harga saham syarikat tersebut pada masa itu ialah RM1.10 dan harga kuat kuasa (exercise price) ialah RM1.20. Apabila hampir dengan tarikh luput (expiry) harga saham syarikat tersebut meningkat kepada RM1.35.

- (a) Kira jumlah untung atau rugi daripada pelaburan opsiyen di atas. Bandingkan kadar pulangan pelabur tersebut dengan kadar faedah simpanan tetap sebanyak 10 peratus setahun diberi oleh bank.
- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi harga opsiyen.
- (c) Terangkan bagaimanakah opsiyen diguna di dalam 'hedging'.

[23 markah]

---ooo000ooo---